

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

Kes jangkitan harian dijangka menurun dalam tempoh seminggu lagi

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dijangka terus mencatatkan angka jangkitan harian yang tinggi dalam tempoh sekurang-kurangnya seminggu lagi.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata pihaknya berharap selepas tempoh itu, kes harian COVID-19 akan menurun.

“(Persoalan) sama ada kita sudah mencapai kemuncak (paras tertinggi) kes atau sebaliknya, saya fikir kita akan mencapai kemuncak di Lembah Klang dalam tempoh seminggu dua ini.

“Kita berharap akan ada penurunan kes selepas itu,” katanya pada sidang media mingguan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) secara maya, semalam.

Sabtu lalu, negara merekodkan jumlah kes harian tertinggi dengan 17,786 kes positif, menjadikan jumlah kes keseluruhan mencecah 1,113,272 kes positif COVID-19, sejak Januari tahun lalu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Jangan bahayakan diri ambil Ivermectin tanpa pengawasan

GEORGE TOWN – Orang ramai dinasihatkan agar tidak membahayakan diri sendiri dengan menggunakan produk Ivermectin untuk tujuan rawatan dan pencegahan Covid-19 tanpa pengawasan daripada doktor.

Presiden Persatuan Pengamal Perubatan Swasta Pulau Pinang (PMPS), Dr. Pramjit Singh berkata, ini kerana Ivermectin bukan sejenis ubat yang boleh digunakan tanpa pengawasan pakar kesihatan seperti paracetamol.

“Ada laporan yang menyatakan orang ramai menyalahgunakan Ivermectin dengan membeli dan mengambilnya sendiri tanpa pengawasan daripada doktor.

“Ubat ini berbahaya diambil jika tiada pengawasan, kita kena



KERATAN Kosmo! 31 Julai 2021.

patuhi garis panduan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan berhubung penggunaan Ivermectin ini,” katanya.

Kosmo! pada 31 Julai lalu melaporkan terdapat pihak yang mengambil kesempatan di sebalik polemik penggunaan Ivermectin dengan menjualnya

di platform online pada harga mencecah RM599 untuk 100 biji.

Menurut Pramjit, tiada data klinikal membuktikan keberkesanan penggunaan Ivermectin dalam rawatan mahupun pencegahan wabak itu.

“Kita tidak boleh membahayakan diri sendiri dengan mengambil ubat yang masih belum ada data klinikal yang sah.

“Hanya pakar perubatan yang boleh menentukan sama ada boleh menggunakan Ivermectin ke atas pesakit Covid-19 atau tidak,” katanya.

Tambahnya, penggunaan Ivermectin perlu dipantau kerana produk ini mempunyai kesan sampingan jika diambil secara berterusan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Negara catat 219 kematian tertinggi semalam

Putrajaya: Sebanyak 219 kes kematian akibat jangkitan COVID-19 dilaporkan semalam, tertinggi setakat ini, sekali gus menjadikan angka korban keseluruhan akibat wabak itu kini meningkat kepada 9,403 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah kes kematian yang dilaporkan, sebanyak 201 kes membabitkan warganegara Malaysia, manakala 18 kes lagi adalah warga asing.

Selangor kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan kes kematian iaitu 105 kes dicatatkan, ma-

nakala Kuala Lumpur (41), Johor (24), Melaka (sembilan) dan Pahang (lapan).

"Negeri Sembilan mencatatkan tujuh kes kematian, masing-masing enam kes di Kedah dan Perak, masing-masing empat kes di Kelantan dan Terengganu, Sabah (tiga) serta satu kes di Labuan dan Perlis," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, mengulas mengenai jumlah jangkitan baharu COVID-19 yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, angkanya menunjukkan sedikit penurunan iaitu 15,764 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif

kes COVID-19 negara meningkat kepada 1,146,186.

Semua negeri mencatatkan pertambahan kes dan lima negeri melaporkan bilangan kes mencecah empat angka iaitu Selangor dengan 6,067 kes baharu, Kuala Lumpur (1,536), Johor (1,222), Sabah (1,166) dan Kedah (1,108).

"Negeri Sembilan (862), Perak (748), Pulau Pinang (667), Kelantan (552), Pahang (475), Melaka



Dr Noor Hisham

(463) dan Terengganu (425).

"Putrajaya melaporkan 46 kes baharu, Perlis (sembilan) dan Labuan (tujuh). Secara keseluruhannya, daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini (semalam) 15,478 kes atau 98.2 peratus berada dalam kategori satu dan dua iaitu tidak bergejala dan bergejala ringan.

"Sementara, 286 kes atau 1.8 peratus lagi kes yang dikesan hari ini (semalam) berada dalam

kategori tiga hingga lima iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, daripada kes baharu yang dikesan semalam terdapat 3,525 kes atau 22.4 peratus mempunyai sejarah imunisasi COVID-19 sekurang-kurangnya satu dos.

Daripada jumlah yang dinyatakan itu, kategori satu terdapat 1,077 kes yang mempunyai sejarah vaksinasi sekurang-kurangnya satu dos, kategori dua (2,380), kategori tiga (49), kategori empat (17) dan kategori lima (dua).

Terkini COVID-19 11,767 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam **15,764** Kes baharu disahkan, semalam **9,403** Jumlah kematian dicatat **1,146,186** Jumlah kes disahkan positif **199,051** kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NASIONAL

Sistem HIDE diguna kesan lokasi berpotensi jadi kluster

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Vaksinasi warga emas tanpa janji temu diperluas

Dari Muka 1

Daripada jumlah itu, Selangor menyumbang sebanyak 6,400 kes positif baharu, diikuti Kuala Lumpur dengan 1,962 kes.

Kelmarin pula, daripada 17,150 kes harian dilaporkan, Selangor menyumbang sebanyak 6,326 kes baharu diikuti Kuala Lumpur dengan 2,086 kes.

Sementara itu, Khairy berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) masih lagi menggunakan sistem Pencegahan Lokasi Panas untuk Libat Urus Dinamik (HIDE) bagi membolehkan kawasan berpotensi menjadi kluster dikenal pasti lebih awal.

Bagaimanapun, ketika ini, data membabitkan HIDE tidak didedahkan kepada umum berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih lagi berkuat kuasa.

"Kita masih menggunakan HIDE di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) dan KKM.

"Ia masih digunakan untuk memberi amaran mengenai kawasan yang berkemungkinan menjadi kluster," katanya.

Kaedah 'jumpa terus' dapatkan suntikan bermula minggu depan di seluruh negara

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul Karim
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kaedah pemberian vaksin secara jumpa terus atau *walk in* untuk warga emas berusia 60 ke atas akan diperluas ke seluruh negara, mulai minggu depan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, ketika mengumumkan perkara itu berkata, perangkaan semasa di peringkat nasional menyaksikan 95 peratus daripada warga emas yang berdaftar sudah menerima suntikan vaksin COVID-19 masing-masing.

Sehubungan itu, katanya, Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) membuat keputusan supaya kaedah pemberian vaksin secara jumpa terus yang dilaksanakan di Lembah Klang, diperluas di semua negeri.



Orang ramai menunggu giliran menerima vaksin secara jumpa terus khusus untuk individu berusia 40 tahun ke atas di Klang, semalam. (Foto Faiz Anuar /BH)

"Ada negeri yang sudah mula pemberian vaksin kepada warga emas secara *walk in*, ada yang sudah bersedia untuk terima *walk in* bagi warga emas.

"Justeru, pengumuman akan dibuat pada peringkat CITF negeri, tetapi secara dasar pada peringkat CITF Persekutuan, kita buat keputusan dan negeri boleh mula *walk in* untuk warga emas yang belum terima dos pertama mereka," katanya pada sidang media mengenai perkembangan PICK, di sini, semalam.

Kaedah vaksinasi jumpa terus bagi warga emas telah dimulakan di Lembah Klang sejak 17 Julai lalu dengan membenarkan golongan itu mendapatkan suntikan vaksin di mana-mana pusat pemberian vaksin (PPV) di Kuala Lumpur dan Selangor.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, kaedah pemberian vaksin secara *walk in* untuk warga emas di Lembah Klang tidak terhad kepada sembilan Pusat Pemberian Vaksin (PPV), seperti diumumkan dalam pengagihan pelalian kepada baki penerima menerusi Operasi Lonjakan Kapasiti.

Mengikut perincian, beliau berkata, jumlah warga emas yang berdaftar di seluruh negara bagi mendapatkan suntikan pelalian kini mencecah 9.3 peratus

atau 3.1 juta orang.

"Daripada jumlah ini, tiga juta sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan, manakala 2.25 juta atau 71 peratus sudah lengkap divaksin," katanya.

Khairy berkata, langkah memperluas vaksinasi jumpa terus itu akan membantu setiap negeri mencapai nilai ambang 40 peratus populasi penduduk dewasa negeri menerima dua dos suntikan imunisasi menjelang 31 Ogos ini.

Bagi tujuan itu, pihaknya telah menetapkan dua kriteria penghantaran bekalan vaksin kesemua negeri iaitu kawalan wabak dan negeri yang mempunyai kadar vaksinasi rendah.

"Kita mahu pastikan mana-mana negeri yang berada pada kadar vaksinasi rendah dapat dipertingkatkan, selain membantu

negeri itu menyamai negeri lain, dengan tujuan semua negeri akan capai nilai ambang 40 peratus," katanya.

Membentangkan data lengkap CITF setakat semalam, Khairy berkata 6.2 juta daripada 20.9 juta yang mendaftar dengan PICK terdiri daripada penerima fasa kedua, manakala 14.7 juta lagi ialah fasa ketiga.

Sejak dilaksanakan pada 19 April lalu, katanya, pengagihan suntikan pelalian bagi fasa kedua meliputi 7.86 juta penerima berdaftar, iaitu tiga juta warga emas, orang kelainan upaya (347,000) dan komorbiditi (7.3 juta).

"Dengan vaksinasi harian mencecah 500,000 dan terus meningkat, sehingga hujung minggu lalu, kita sudah berikan suntikan pelalian kepada lebih 20 juta populasi di Malaysia," katanya.

Ada negeri yang sudah mula pemberian vaksin kepada warga emas secara 'walk in', ada yang sudah bersedia untuk terima 'walk in' bagi warga emas



Khairy Jamaluddin,
 Menteri Penyelaras Program
 Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

Ziarah, aktiviti agama punca kes meningkat

Kuala Lumpur: Aktiviti ziarah sempena perayaan, majlis perkahwinan dan aktiviti keagamaan antara punca tercetus kluster dengan jumlah kluster baharu direkodkan sebanyak 29.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 13 kluster adalah di tempat kerja dengan 457 kes manakala dalam komuniti adalah 11 kluster dengan 293 kes.

Menurutnya, tiga lagi kluster adalah kumpulan berisiko

tinggi dengan 50 kes, satu kluster pendidikan dengan 23 kes dan satu kluster keagamaan dengan lapan kes.

"Kluster tercetus akibat ziarah sempena perayaan adalah Kampung Dewan Kecil di Machang Kelantan membabitkan individu yang menjalankan aktiviti ziarah-menziarahi sempena sambutan perayaan.

"Kes indeks bagi kluster ini adalah kes 1,041,876, iaitu wanita tempatan berusia 68 tahun yang dilaporkan po-

sitif Covid-19 pada 27 Julai lalu hasil saringan individu bergejala. Kes mula bergejala pada 25 Julai 2021," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, satu lagi kluster akibat ziarah menziarahi sempena perayaan adalah kluster Kampung Kubang Telaga, Bachok, Kelantan.

"Kes indeks bagi kluster ini adalah Kes 109,3081 iaitu wanita tempatan berusia 43 tahun yang dilaporkan positif Covid-19 pada 30 Julai

lalu hasil saringan individu bergejala. Kes mula bergejala pada 26 Julai 2021.

"Kluster akibat majlis perkahwinan dan sambutan perayaan pula adalah Kluster Cabang Empat Chetok 2, Pasisir Mas, Kelantan," katanya.

Menurutnya, kes indeks bagi kluster berkenaan adalah kes 109,3096 iaitu membabitkan wanita tempatan berusia 32 tahun yang dilaporkan positif Covid-19 pada 30 Julai lalu hasil saringan individu bergejala.

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 15,764 kes baharu Covid-19 dilaporkan di seluruh negara semalam berbanding 17,150 kes kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan 1,146,186 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 8,783 kes atau 55.7 peratus adalah pesakit kategori satu iaitu tiada gejala dan 6,695 kes atau 42.5 peratus membabitkan kategori dua yang bergejala ringan.

"Manakala 135 kes adalah pesakit kategori tiga yang mengalami radang paru-paru, kategori empat iaitu radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen (64 kes) dan kategori lima iaitu kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan (87 kes).

"Secara keseluruhannya, hanya 1.8 peratus kes yang dilaporkan semalam berada pada kategori tiga hingga lima iaitu pada mula didi-

15,764 jangkitan, 219 kematian

Sebanyak 8,783 kes Covid-19 semalam atau 55.7 peratus adalah pesakit kategori satu



Sebanyak 11,767 kes sembuh direkodkan hari ini (semalam), sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah 937,732 kes"

Dr Noor Hisham

agnosa di mana ia berjumlah sebanyak 286 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ada antara kes kekal dikategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada ber-

tambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, 3,525 kes (22.4 peratus) daripada jumlah kes dilaporkan semalam mempunyai imunitas Covid-19," katanya.

Katanya, seramai 1,063 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 532 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Sebanyak 219 kes kematian dilaporkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 ialah 9,403 kes.

"Sebanyak 11,767 kes sembuh direkodkan semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh

adalah sebanyak 937,732 kes daripada keseluruhan kes," katanya.

Beliau berkata, Selangor kekal mencatatkan kes tertinggi iaitu 6,067 kes

"Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan empat angka dengan 1,536 kes, diikuti dengan Johor (1,222), Sabah (1,166) dan Kedah (1,108).

"Sementara itu, 862 kes baharu dilaporkan di Negeri Sembilan manakala Perak (748), Pulau Pinang (667), Kelantan (552), Pahang (475), Melaka (463), Terengganu (425) dan Sarawak (411).

"Kurang 10 kes dilaporkan di Perlis dan Labuan iaitu masing-masing sembilan dan tujuh kes," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Kewujudan varian Delta dipercayai salah satu faktor yang menyebabkan trend peningkatan kes Covid-19 di Kelantan begitu ketara sejak kebelakangan ini.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata setakat ini varian berkenaan hanya di kesan di Pasir Puteh namun tidak menolak kemungkinan ia turut tersebar di daerah lain termasuk Bachok dan Tanah Merah.

Di samping itu, katanya, setakat ini hanya satu kes di kesan membabitkan varian Delta dan sebanyak 74 sampel lagi belum diketahui keputusannya dan dijangka

Delta muncul di Pasir Puteh

Faktor peningkatan ketara jangkitan di Kelantan



Di Kelantan mencatatkan 16 kluster baharu. Setiap hari kita ada kluster baharu disebabkan virus sudah berada dalam komuniti"

Dr Zaini

diperoleh dalam masa terdekat.

"Di Kelantan mencatatkan 16 kluster baharu. Setiap hari kita ada kluster baharu disebabkan virus sudah berada dalam komuniti. Pada masa sama, mungkin juga disebabkan kita gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Kita melihat trend peningkatan kes di negeri ini begitu cepat dan meluas. Berkemungkinan varian

Delta ini bukan sahaja di kesan di Pasir Puteh, tetapi ia juga berada di daerah lain.

"Justeru, kita berharap masyarakat sepatutnya patuh SOP dan tidak berada di tempat sesak melainkan terdapat urusan penting," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media di Pusat Vaksinasi Grand River-view Hotel (GRV) di sini, semalam.



ORANG ramai beratur untuk mendapatkan vaksin selepas janji temu sempena vaksinasi secara walk-in di Rumah Prihatin Hotel Grand Seasons KL, semalam.

VAKSINASI INDIVIDU DEWASA 97% di Lembah Klang dah divaksin

Kuala Lumpur: Hanya tiga peratus daripada populasi individu dewasa di Lembah Klang yang masih belum menerima suntikan vaksin Covid-19 ketika ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin berkata, kira-kira 97 peratus individu dewasa sudah menerima vaksinasi masing-masing menerusi Operasi Lonjakan Kapasiti Lembah Klang yang berakhir kelmarin.

Katanya, tumpuan seterusnya untuk memastikan baki mereka yang belum menerima vaksin sama ada tidak berdaftar atau tidak hadir janji temu, mendapat suntikan pada bulan ini menerusi dua kaedah.

"Kaedah pertama ialah melalui pemberian vaksin secara walk-in, khusus untuk penduduk di Lembah Klang bermula jam 2 petang hari ini (semalam) di sembilan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) terpilih.

"Inisiatif walk-in ini berlandaskan kepada sasaran dan keperluan untuk melindungi penduduk yang menjadi pusat penularan wabak Covid-19 ketika ini.

"Inisiatif ini adalah untuk pemberian vaksinasi dos pertama dan tidak membabitkan individu yang mendaftarkan dos kedua yang akan diberikan mengikut

sele masa bersesuaian dari tarikh suntikan dos pertama masing-masing," katanya dalam sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) secara maya semalam.

Khairy berkata, kaedah berikutnya melalui program jangkauan (outreach programme) ke kawasan pinggir Lembah Klang yang menasarkan penduduk pinggir bandar tidak berdaftar dan mungkin membatalkan janji temu sebelum ini.

"Selain mengutamakan golongan berusia dan komorbid, katanya, pihaknya juga membuat pengasingan bagi PPV warganegara dan bukan warganegara bagi memudahkan kawalan terhadap orang ramai, mengambil kira pengalaman di beberapa PPV pada minggu lalu," katanya.

Beliau turut memaklumkan belum ada keputusan mengenai pemberian suntikan dos penggalak dan vaksin kepada kumpulan remaja setakat ini.

Menurutnya, perkara itu perlu dan akan dibincangkan terlebih dahulu dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) pada Jumaat ini.

"Tunggu mesyuarat teknikal JKJAV untuk tahu garis panduan dan perkara selanjutnya," katanya.

Belum ada keputusan mengenai pemberian suntikan dos penggalak



ORANG ramai yang menaiki kenderaan keluar dan masuk di laluan ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) Daerah Sepang di Stadium Mini Bandar Baru Salak Tinggi, bagi menjalani penilaian dan pemeriksaan kesihatan ketika pada tinjauan media, kelmarin.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kerajaan sedang memperinci kemudahan individu lengkap dua dos vaksin Perlis, Sarawak, Labuan ke Fasa 3 PPN

Oleh **NORLIDA AKMAR IDROS**
 dan **NOR IDAYU BOSRO**

PUTRAJAYA – Perlis, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan beralih ke Fasa Ketiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa esok selepas menunjukkan pencapaian nilai ambang yang amat baik.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, semua usaha untuk menambah baik situasi pandemik di negeri masing-masing perlu diteruskan. Beliau turut mengingatkan agar prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan yang telah ditetapkan dalam PPN harus terus dipatuhi negeri terlibat.

"Saya berharap lebih banyak negeri akan dapat bergerak ke fasa seterusnya dengan kerjasama semua pihak di seluruh negara.

"Kita harus optimis dan terus bergerak ke hadapan supaya pemulihan negara dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan selamat," katanya dalam kenyataan di Facebook beliau semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri memperkerusikan mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memperincikan kemudahan kepada individu yang telah lengkap mendapat dua dos suntikan vaksin.

Beliau berkata, sidang mesyuarat itu turut membincangkan kemudahan yang bakal



PELANGGAN boleh menjamu selera di premis dengan terhad kepada dua orang semeja dengan mematuhi penjarakan fizikal di negeri Fasa Ketiga PPN. – GAMBAR HIASAN

dinikmati dalam sektor ekonomi.

Ujarnya, perkara itu perlu diperhalusi dengan berhati-hati bagi memastikan usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi dan kualiti hidup rakyat dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

"Insya-Allah kemudahan-kemudahan ini akan saya umum dalam waktu terdekat dan diharapkan dapat memanfaatkan sebaiknya individu yang telah menerima vaksinasi lengkap se-

lain membantu sektor ekonomi kita dengan mengambil kira keselamatan rakyat," katanya.

Sementara itu, beliau turut menekankan bahawa strategi kerajaan adalah memberikan vaksinasi kepada seramai mungkin penduduk dewasa di Malaysia bagi memastikan pemulihan negara dapat berjalan lancar.

Katanya, apabila lebih banyak rakyat yang divaksinasi, lebih ramai yang terlindung menerusi imuniti kelompok yang dicapai.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man berkata, pergerakan ke fasa ketiga itu membolehkan lebih banyak aktiviti harian dilakukan dan operasi perniagaan tertentu dibenarkan beroperasi semula.

"Salah satunya ialah kebenaran untuk makan di restoran, kedai atau gerai makan, bagaimanapun ada syarat dan SOP yang wajib dipatuhi.

"Tetapi jangan lupa satu perkara iaitu setiap daripada

Fasa Ketiga PPN

- Semua aktiviti ekonomi adalah dibenarkan beroperasi kecuali aktiviti berisiko tinggi dan disenarai dalam senarai negatif seperti spa, pub dan kelab malam
- Pergerakan rentas daerah dibenarkan, manakala rentas negeri masih tidak dibenarkan
- Jumlah kapasiti pengangkutan awam seperti teksi dan e-hailing ditingkatkan kepada 3 orang termasuk pemandu
- Pasar malam, pasar tani, pasar minggu dan pasar tamu dibenarkan beroperasi mengikut SOP semasa
- Kelonggaran untuk menerima tetamu atau pelawat di kediaman dibenarkan terhad kepada 10 orang dalam satu-satu masa

kita hendaklah mematuhi SOP dengan penuh disiplin setiap masa," katanya dalam kenyataan di Facebooknya semalam.

Setakat semalam, sebanyak 44.2 peratus atau 112,734 penduduk Perlis berusia 18 tahun ke atas telah menerima dos pertama vaksin Covid-19, manakala 77,300 atau 30.3 peratus pula sudah lengkap dua dos vaksin.

Selain itu, negeri ini juga menepati kriteria untuk masuk ke fasa tersebut iaitu purata kes harian kurang 2,000 kes dan penggunaan katil wad unit rawatan rapi (ICU) pada paras mencukupi.

Rekod tertinggi 219 kematian, negara lalui detik hitam

PUTRAJAYA – Negara sedang melalui detik hitam selepas sebanyak 219 kematian lagi direkodkan semalam, sekali gus tertinggi sejak Covid-19 melanda pada Mac tahun lalu.

Angka tersebut turut melibatkan 18 warga asing, menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 9,403 kes.

Kali terakhir kes kematian merekodkan angka tertinggi melepasi 200 ialah pada 26 dan 27 Julai lalu dengan 207 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua kes tersebut terdiri daripada 113 lelaki dan 106 wanita, manakala terdapat 21 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) serta sebanyak 176 kes mempunyai sejarah penyakit.

"Ia melibatkan 105 kes di Selangor, Kuala Lumpur (41 kes), Johor (24 kes), sembilan kes di Melaka, lapan kes di Pahang, tu-



PETUGAS bertungkus-lumus mengebunkan jenazah pesakit Covid-19 di Tanah Perkuburan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. – AFIQ RAZALI

juh kes di Negeri Sembilan serta masing-masing enam kes di Kedah dan Perak.

"Selain itu, masing-masing empat kes di Kelantan dan Terengganu, tiga kes di Sabah serta masing-masing satu kes

di Labuan dan Perlis," katanya dalam kenyataan semalam.

Berhubung penularan harian Covid-19, kes baharu merekodkan 15,764 kes termasuk enam kes import, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,146,186 kes.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	15,764
Import	6
Tempatan	15,758
Pulih	11,767
Kematian	219
Masih dirawat	199,051
Jumlah kes sembuh	937,732
Jumlah Kematian	9,403
Jumlah kes keseluruhan	1,146,186

Pesakit sedang dirawat dan ditinggalkan pula terus meningkat menghampiri 200,000 dengan 199,051 kes termasuk 1,063 kes

sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 532 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Jumlah pesakit sembuh masih melepasi 10,000 semalam dengan 11,767 orang.

Lima negeri kekal merekodkan kes empat digit iaitu Selangor (6,067 kes), diikuti Kuala Lumpur (1,536), Johor (1,222), Sabah (1,166) dan Kedah (1,108).

Ujarnya, sebanyak 286 kes (1.8 peratus) daripada kes harian semalam adalah kategori tiga, empat dan lima, manakala 15,478 kes (98.2 peratus) daripada kategori rasi satu dan dua.

"Secara keseluruhan, 3,525 kes (22.4 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan mempunyai sejarah imunisasi Covid-19 (sekurang-kurangnya telah menerima satu dos)," katanya.

Tambahnya, sebanyak 29 kluster baharu dikenal pasti semalam termasuk terdiri daripada 13 kluster tempat kerja.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Varian Delta di Parlimen?

Dr Noor Hisham tidak menolak hasil empat sampel kes positif Covid-19 tersebut berdasarkan corak sebaran virus

KUALALUMPUR

Empat sampel genom berkaitan kes positif Covid-19 di Parlimen hasil saringan pada 29 Julai lepas berkemungkinan besar adalah varian Delta berdasarkan penyebaran varian semasa di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam hantaran terkini di Facebook rasminya berkata, sampel tersebut yang diterima Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) daripada Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh menunjukkan kepositifan dengan nilai CT yang rendah.

"Kami melakukan satu cerakin pengenotipan PCR (tindak balas rantai polimerase) yang boleh memberikan keputusan andaian untuk varian yang membimbangkan (VOC) atau yang perlu diberi perhatian (VOI) dengan penjujukan genom penuh (WGS) meng-



Empat sampel genom kes positif Covid-19 di Parlimen hasil saringan pada 29 Julai lepas berkemungkinan besar adalah varian Delta.

ambil masa lapan hingga 14 hari untuk dilengkapkan.

Bagi kepentingan kesihatan awam sementara menanti keputusan WGS, IMR melakukan satu cerakin pengenotipan (Pengenotipan Allplex SARS-CoV-2 Variants II) yang menggunakan platform PCR masa nyata dan boleh memberikan keputusan andaian untuk varian yang membimbangkan (VOC) atau perlu diberi perhatian (VOI) dalam tempoh empat jam," kata beliau.

Daripada cerakin pengenotipan itu, Dr Noor Hisham berkata, IMR mengesan dua mutasi utama dalam semua

empat kes, menunjukkan andaian positif bagi varian Delta atau Kappa.

"Berdasarkan penyebaran varian semasa di Malaysia, ia berkemungkinan besar varian Delta," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham lagi, berdasarkan kajian klinikal di luar negara dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kes yang dijangkiti varian Delta mempunyai kandungan virus 1,200 kali lebih tinggi berbanding kes yang dijangkiti dengan varian biasa (bukan-VOC).

Oleh itu, beliau berkata penjujukan genom penuh (WGS) akan dijalankan bagi pengesanan selanjutnya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NASIONAL

Sebanyak 15,764 kes dicatatkan, Selangor kekal kes harian tertinggi

Turun kepada 15,000 kes

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

KUALA LUMPUR

Jumlah kes baharu Covid-19 turun kepada 15,764 dalam tempoh 24 jam lepas berbanding 17,150 kes dicatatkan pada Abad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu itu menjadikan kumulatif kes di Malaysia kini 1,146,186 kes.

Katanya, Selangor kekal dengan kes harian tertinggi sebanyak 6,067 kes diikuti Kuala Lumpur (1,536), Johor (1,222), Sabah (1,166) dan Kedah (1,108).

Negeri Sembilan pula merekodkan sebanyak 862 kes baharu, Perak (748), Pulau Pinang (667), Kelantan (552), Pahang (475), Melaka (463), Terengganu (425), Sarawak (411), Putrajaya (46), Perlis (sembilan) dan Labuan (tujuh).

"Sebanyak 286 kes adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 15,478 kes (98.2 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa Covid-19," kata-



Penerima vaksin diminta untuk berehat dan dipantau selama 15 minit oleh para petugas selepas divaksinasi di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Isnin.

nya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif 1,146,186.

"Sebanyak 199,051 kes aktif dilapor di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, terdapat 1,063 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 532 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, KKM merekodkan 219 kes kematian membabitkan 201 rakyat tempatan dan 18 warga asing.

"Kes kematian pada hari ini (Isnin) yang melibatkan Selangor 105 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (41), Johor (24);

Melaka (sembilan), Pahang (lapan) dan Negeri Sembilan (tujuh).

"Bagi negeri Kedah dan Perak masing-masing mencatatkan enam kes kematian diikuti, empat di Kelantan dan Terengganu, Sabah (tiga), serta satu kes di Labuan dan Perlis.


"Berdasarkan data yang dikeluarkan, terdapat 21 kes jenazah dibawa ke hospital (BJD) dan selebihnya meninggal dunia di hospital," katanya.

Sementara itu, sebanyak 11,767 kes kes dilapor telah sembuh sekali gus menjadikan jumlah kumulatif 937,732 kes.

"Ia bersamaan dengan 81.8 peratus daripada keseluruhan kes," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



- Kategori 1** Tanpa gejala
- Kategori 2** Gejala ringan
- Kategori 3** Jangkitan paru-paru
- Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
- Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 2 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,146,186	937,732	1,063	9,403	15,764	21,200,473

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

Highest ever Covid-19 fatalities in a day as 219 succumb to virus

KUALA LUMPUR: Malaysia witnessed its highest ever Covid-19 fatalities in a single day yesterday, with 219 deaths reported.

This was the second time the country's Covid-19 death toll breached the 200 mark after 207 individuals succumbed to the coronavirus on July 26 this year.

Selangor accounted for the highest number of deaths (105), followed by Kuala Lumpur (41), Johor (24), Melaka (nine), Pahang (eight), Negri Sembilan (seven), Kedah (six), Perak (six), Kelantan (four), Terengganu (four), Sabah (three), Labuan (one) and Perlis (one).

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's death toll stood at 9,403.

"Of the total deaths, 201 were Malaysians. Twenty-one victims were also brought-in-dead (BID) cases," he said yesterday.

The country continued with its

five-digit daily cases trend, as 15,764 new infections were recorded up to noon.

Dr Noor Hisham said the country's cumulative coronavirus infections stood at 1,146,186.

Selangor remained as the state with the most new cases, with 6,067 fresh infections recorded over the past 24-hours. Other states with four-digit cases were Kuala Lumpur (1,536), Johor (1,222), Sabah (1,166) and Kedah (1,108).

Negri Sembilan reported 862 new cases, Perak (748), Penang (667), Kelantan (552), Pahang (475), Melaka (463), Sarawak (441), Terengganu (425), Putrajaya (46), Perlis (nine) and Labuan (seven).

He said a total of 3,525 (22.4 per

cent) patients from yesterday's new infections had received at least one dose of the vaccine. Dr Noor Hisham said 1,063

individuals were currently receiving treatment at Intensive Care Unit (ICU) of hospitals nationwide, including 532 patients who required intubation.

Meanwhile, 11,767 individuals had recovered from the Covid-19 infection yesterday, raising the overall total tally of recoveries to 937,732.

Dr Noor Hisham said 29 new Covid-19 clusters were detected nationwide. He said of the figure, 13 were workplace clusters, 11 were from the community, three from the high-risk group, and one each from education and reli-

gious activities. These clusters contributed 831 cases to the overall infections yesterday.

Four workplace clusters were reported in Johor, namely the Jalan Bestari Empat, Jalan Industri Lapan Emas, Batu 10 Skudai and Industri Lagenda Putra Lapan clusters. The other clusters were three in Penang (Industri Perai Dua, Lintang Batu Lanchang and Zone Dagang Bebas Prai); two in Kuala Lumpur (Tapak Bina Batu Lima 2 and Jalan Pusat Bandar); two in Pahang (Sungai Enggang and Kampung Tanjung Balok); one in Sibulu, Sabah; and, one in Cabang Tiga Lemal, Kelantan.

"The Tapak Bina Batu Lima 2 cluster was identified through targeted screening of workers at a construction site in Batu 5 1/2, Jalan Klang Lama, Lembah Pantai. This is the second time a cluster was reported at this construc-

tion site," Dr Noor Hisham said.

Eleven community clusters included six in Kelantan (Paloh Gua Musang, Aring Gua Musang, Kampung Bukit Cina Kok Lanas, Cabang Empat Chetok 2, Kampung Kubang Telaga and Kampung Dewan Kecil), and one each in Terengganu (Kerteh Tiga), Kedah (Dah Kampung Tok), Pahang (Tembeling Tengah), Perak (Kampung Ezzo Intan) and Johor (Kampung Raya Sagil). Five of the community clusters stemmed from festive celebrations.

Three high-risk group clusters were the Jalan Pekan Baru cluster in Selangor, Jalan Hospital Bandar Kota Baru cluster in Kelantan and Jalan Temenggong Ahmad in Johor. The education and religious cluster were both reported in Kelantan, namely Kampung Dalam Rhu Tumpat and Kampung Belukar Kadok in Kota Baru.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION/NEWS

Delta may be spreading in Kelantan districts

KOTA BARU: State health authorities fear that the Covid-19 Delta variant, which was detected in Pasir Puteh, may have spread to nearby districts.

Kelantan Health director Datuk Dr Zaini Hussin said these include the neighbouring Bachok and Tanah Merah districts.

"The virus's infectivity trend is increasing, and it spreads fast. We suspect the variant is within the community.

"So far we have recorded one case of the Delta variant on July 23.

"Samples are still being analysed," he said after visiting the Public-Private Partnership Industrial Covid-19 Immunisation Programme here yesterday.

Present were International Trade and Industry Ministry Regional Office (Kelantan) director Azyyati Ibrahim and programme organiser Dr Muhamad Faiz Afandi.

Dr Zaini said Kelantan recorded six new Covid-19 clusters on Sunday, bringing the number of active clusters in the state to 123.

"Almost every day, Kelantan records a new cluster. Yesterday (Sunday), an 8-year-old boy was the index case of one of the six clusters.

"This cluster, Kampung Tok Junuh, located near Mahligai, Bachok, has seen 13 others testing positive," he added.

Dr Zaini said the local population's failure to comply with the standard operating procedures had contributed to the spike in cases.

On yesterday's programme, he said about 600 workers, mostly from the manufacturing and other sectors, would receive the first doses of the Covid-19 vaccine.

He said about 8,000 doses would be set aside for the programme, which began on June 25 and would end on Aug 8.



Kelantan Health director Datuk Dr Zaini Hussin (back row, second from right) and International Trade and Industry Regional Office (Kelantan) director Azyyati Ibrahim (left) observing the Public-Private Partnership Industrial Covid-19 Immunisation Programme in Kota Baru yesterday. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION

219 more succumb to the virus

Cumulative death toll reaches 9,403 as 15,764 new cases recorded

PUTRAJAYA: In just a week, Malaysia again logged a new daily record for Covid-19 deaths after 219 more people succumbed to the coronavirus.

The country's previous record for daily deaths was 207, reported a week ago on July 26.

In his daily Covid-19 statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's death toll reached 9,403.

Two-thirds of the fatalities

occurred in the Klang Valley, with 105 cases reported in Selangor and 41 in Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham said 201 of the casualties were Malaysians while 18 were foreign nationals.

At least 176 casualties had some form of comorbidity or underlying conditions.

He said 21 of the fatalities were brought-in-dead cases.

The numbers in intensive care units continued to rise, with 1,063

currently being admitted.

Some 532 patients are on ventilator support.

The total active cases nationwide is now at an all-time high of 199,051.

Dr Noor Hisham said that of the country's 15,764 new cases reported yesterday, 98.2% were those with either mild or no symptoms.

There are 286 people, which is 1.8% of yesterday's total cases, who are Category 3, 4 and 5 patients.

At least 54% of the country's

15,764 cases are those detected from tracing of close contacts.

Another 32% are sporadic infections, while 12% are linked to clusters.

Selangor remained the state with the highest number of cases, with 6,067 new infections reported.

Four other states had more than 1,000 cases – Kuala Lumpur (1,536 cases), Johor (1,222), Sabah (1,166) and Kedah (1,108).

Dr Noor Hisham said that as at

Aug 1, the national Covid-19 infectivity rate was at an Rt of 1.08.

Meanwhile, the ministry has identified 29 new Covid-19 clusters, which takes the number of active ones in the country to 1,128.

They include 13 workplace-related clusters and 11 community outbreaks.

The ministry said five community clusters found in Kelantan, Kedah and Johor were linked to festive occasions.